

11) RUMAH SELANGORKU

Adun : Y.B. Tuan Rosnizan Bin Ahmad (Morib)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2024)

Sub soalan :

- a) **Nyatakan bilangan Rumah Selangorku yang telah diduduki pada tahun 2023 sehingga kini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak **20 projek** dengan **4,253 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci dari tahun 2023 sehingga kini.

- b) **Nyatakan projek terbaru Rumah Selangorku di Kuala Langat khususnya di DUN Morib dan namakan syarikat pemajunya.**

Sehingga 31 Mei 2024, terdapat **3 projek** dengan **480 unit** Rumah Selangorku sedang dalam pembinaan manakala **3 projek** lagi dengan **964 unit** masih diperingkat perancangan di DUN Morib. Walau bagaimanapun, jumlah ini melibatkan **2 projek** yang telah dikategorikan sebagai projek bermasalah memandangkan Kerajaan Negeri masih meletakkan kedua-dua projek tersebut dalam pemerhatian ketat bagi memastikan kerja pembinaan dilaksanakan di lapangan.

Perincian projek mengikut Mukim di DUN Morib adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama Pemaju	Mukim	Bilangan Unit
Pembinaan			
1.	Sentoria Harta Sdn. Bhd. Dan Seriemas Development Sdn. Bhd. (Plot L - Fasa 1)	Morib	315
2.	Sentoria Harta Sdn. Bhd. Dan Seriemas Development Sdn. Bhd. (Plot N)	Morib	150
3.	Melati Gemas Sdn. Bhd.	Bandar	15
Jumlah Kecil (A)			480

Bil.	Nama Pemaju	Mukim	Bilangan Unit
Perancangan			
1.	Sentoria Harta Sdn. Bhd. Dan Seriemas Development Sdn. Bhd. (Plot L - Fasa 2)	Morib	315
2.	TS Development Sdn. Bhd.	Bandar	109
3.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) - Kampung Sawah	Bandar	540
Jumlah Kecil (B)			964
Jumlah Keseluruhan (A + B)			1,444